

## *Penerapan Strategi Didik Hibur Dalam Meningkatkan Kosa Kata Bagi Kemahiran Lisan*

**Milawati Hussain**

milawati\_hussain@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Casuarina**

### *Abstrak*

Walaupun penggunaan teknologi dan informasi maklumat (ICT) ditekankan dalam abad-21 ini, namun strategi Didik Hibur masih tetap relevan. Strategi ini bertujuan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan pembelajaran murid untuk mempelajari bahasa Melayu. Kertas kerja ini merupakan satu usaha untuk menggunakan strategi didik hibur bagi memperkasakan dan merangsang kemahiran bertutur dalam kalangan Murid Darjah 2. Seramai 21 orang murid Darjah 2 telah dikenal pasti sebagai subjek kajian. Menerusi penggunaan strategi didik hibur ini konsep permainan dan pembelajaran berdasarkan penerokaan yang diketengahkan oleh pengkaji berasaskan teori konstruktivisme telah dilaksanakan. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan strategi didik hibur merangsang minat murid dalam kemahiran bertutur. Murid-murid didapati dapat menghimpunkan dan membina pengalaman yang lebih menyeronokkan.

Kata Kunci: Strategi Didik Hibur, konstruktivisme, pengalaman menyeronokkan

## PENGENALAN

Pengajaran lisan di dalam bilik darjah perlu menarik minat murid bagi melakukan aktiviti lisan. Kreativiti yang tinggi dalam pengajaran dapat mencorakkan perkembangan minda, sikap, emosi dan diri murid (Abdul Rasid dan Hasmah, 2012). Kurangnya kreativiti dan inovasi yang berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menyebabkan murid cepat berasa bosan dan menganggap pengajaran Bahasa Melayu mencabar minda dan susah untuk dikuasai.

Kemahiran bertutur adalah kemahiran asas dan perlu dikuasai oleh murid sebelum murid-murid menguasai kemahiran membaca dan menulis. Bagi membolehkan murid-murid bertutur dengan baik, guru perlu membina penguasaan kosa kata murid. Kepentingan menguasai kemahiran bertutur ini telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa:

*“... murid berkeyakinan dan dapat membezakan yang baik atau sebaliknya, boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, gigih, mengenali dirinya, membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir secara kritis dan inventif dan berkomunikasi dengan berkesan; mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran diri sendiri, rajin bertanya, berkebolehan melakukan refleksi serta tabah dan gigih untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran; menjadi penyumbang aktif yang boleh bekerja dalam kumpulan, menggunakan inisiatif, berani mengambil risiko yang diperhitungkan, bersifat inovatif dan bekerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik; dan ...”*

Sukatan Pelajaran Bahasa (2014:3)

Pengajaran kemahiran bertutur dalam elemen didik hibur yang dilakukan melalui aktiviti secara kreatif dan terancang sudah pasti dapat memberi perubahan yang lebih efektif dalam pembelajaran. Oleh itu, sebagai guru yang mengajar Bahasa Melayu perlu mengkaji dan mencari teknik yang terbaik bagi meningkatkan pencapaian murid dan mencari satu kaedah pengajaran lisan yang lebih menarik.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meneliti:

1. respons murid terhadap pembelajaran lisan dengan menggunakan strategi Didik Hibur yang mengandungi nyanyian, lakonan dan bercerita melalui pembacaan skrip; dan



2. keberkesanan strategi Didik Hibur dalam membina kosa kata dalam kalangan murid agar dapat bertutur dengan baik dan lancar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pengalaman guru, murid didapati mempunyai kosa kata yang terbatas ketika sesi pembelajaran kemahiran bertutur. Menerusi penelitian pengkaji, ramai murid menggunakan bahasa Inggeris di dalam kelas walaupun semasa PdP Bahasa Melayu sedang berlangsung. Perkembangan ini telah menjejaskan proses pemerolehan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan murid berbangsa Melayu itu sendiri.

Menerusi penelitian dan penilaian pengkaji, murid Darjah 2 khususnya tidak dapat mengembangkan idea ketika bertutur kerana kemampuan kosa kata yang terhad. Murid memerlukan banyak pengulangan dan penerangan sebelum murid memahami dan melaksanakan tugas yang diberikan dengan betul. Pengkaji berusaha menarik minat murid dalam pembelajaran kosa kata dengan memperkenalkan strategi didik hibur dalam PdP Bahasa Melayu di dalam darjah dengan harapan mengembang dan memperluas pemerolehan kosa kata murid.

## **KAJIAN LEPAS**

Leper dalam Ismail dan Mohd. Zahar (2016), menyatakan bahawa, motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada ransangan luaran dengan tujuan menggerakkan individu supaya melakukan aktiviti yang membawa faedah kepadanya. Motivasi ekstrinsik dapat dirancang dalam bentuk pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan membentuk iklim persekitaran yang kondusif bagi mendorong murid belajar.

Mohd Razak dan Masita (2015) pula menjelaskan bahawa hakikatnya dari segi teori, pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam amalan PdP Bahasa Melayu di bilik darjah mampu menyuburkan daya kognitif dan kemahiran sosial murid.

Standard Jemaah Nazir dalam Tay Meng Guat (2015) selanjutnya menerangkan bahawa kepentingan unsur amalan pembelajaran menyeronokkan dinyatakan dalam elemen disposisi guru. Standard ini menggariskan bahawa perlunya mewujudkan suasana riang dan merangsang pembelajaran. Peranan guru amat penting untuk mewujudkan proses PdP yang berkesan. Oleh itu guru perlu sedar tentang kepentingan unsur menyeronokkan dalam pengajaran untuk melahirkan hubungan baik dengan murid-murid mereka.



Didik hibur ialah satu pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif semasa pengajaran Bahasa Melayu. Ia bertujuan agar sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi seronok untuk diikuti oleh murid. Fokusnya kepada penguasaan kemahiran asas melalui didik hibur dan apresiasi bahasa.

Didik hibur diperkenalkan di sekolah rendah bagi merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Penyelidik melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sambil berhibur dengan tujuan isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian eksperimen yang bertujuan untuk meneliti keberkesanan sesi pengajaran guru dalam melaksanakan strategi dan teknik yang digunakan melalui elemen lakonan teknik didik hibur dalam PdP lisan ini. Amalan Pengajaran Singapura (STP) turut diterapkan dalam kajian ini. Berikut merupakan penerangan ringkas mengenai dua proses pengajaran yang diambil kira.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP15: Menggalakkan pelibatan pelajar	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Guru melibatkan murid untuk memberikan maklum balas pada lakonan rakan-rakan
Penilaian dan Maklum Balas	AP23: Menyokong pembelajaran secara sendiri	AM3: main peranan Guru menjalankan maian peranan sebagai aktiviti bagi murid menggunakan kosa akata yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran lisan.
Penerangan dan Justifikakasi	Aspek pengajaran yang dipilih dapat membina kemahiran lisan murid dengan cara yang menyeronokkan. Minat murid dapat ditingkatkan dalam suasana yang menyeronokkan melalui aktiviti main peranan.	

## Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 21 orang murid Darjah 2 yang terdiri daripada murid yang memiliki tahap penguasaan bahasa yang tinggi (HP) dan yang sederhana (MP). Pemilihan subjek ini dilakukan kerana murid ini mempunyai motivasi



yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Pengkaji juga dapati bahawa hampir 50% murid dapat memberi sokongan yang diharapkan dalam melaksanakan projek ini.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan klip video, lembaran kerja dan peranti iPad atau *padlet* yang memiliki fungsi rakaman video. Klip-klip video digunakan bagi merangsang minat murid dalam lakonan kerana klip ini boleh dijadikan sebagai panduan aksi yang akan murid laksanakan. Murid akan merakamkan lakonan yang dimainkan oleh kawan-kawan dari kumpulan yang lain. Kemudian, murid dan guru akan menilai lakonan yang dijalankan. Data kajian ini merupakan data kualitatif. Oleh itu, pengkaji menggunakan instrument pemerhatian untuk mengumpulkan data bagi menjawab persoalan kajian. Mohd Majid (2009), menjelaskan soal selidik dalam membantu pemerhatian guru, dapat meningkatkan ketetapan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap ransangan soalan yang diberi kerana tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku penyelidik.

## **Prosedur Kajian**

Aktiviti lakonan diserapkan dalam sesi pengajaran lisan agar menjadi lebih menarik. Aktiviti lakonan digunakan bagi membantu pembinaan dan perkembangan kosa kata murid bagi melahirkan idea yang lebih baik. Murid masih dibenarkan menggunakan gaya sendiri yang lebih kreatif, mimik muka yang sesuai, suara dan pergerakan badan semasa melaksanakan lakonan. Murid juga digalakkan menyanyi lagu 'Senjakala' dan 'Mari Kita Berkumpul' sambil menari mengikut pergerakan yang kreatif yang telah mereka reka sendiri. Aktiviti lakonan juga dijalankan secara kumpulan bagi menghasilkan interaksi lisan yang berkesan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran lisan yang digunakan melalui teknik didik hibur melalui lakonan yang bersesuaian secara kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran lisan secara keseluruhan menunjukkan kesan yang menggalakkan. Bukan sahaja murid terhibur dan berasa seronok, murid juga dapat mengembangkan penguasaan kosa kata mereka. Ini dapat dilihat dengan kesungguhan murid membaca skrip yang telah disediakan oleh guru dan murid melakonkan skrip yang telah mereka baca itu di hadapan kelas. Jelasnya kesan penggunaan teknik didik hibur dapat meningkatkan kemahiran bertutur. Strategi membaca skrip secara berkumpulan dan menghafalnya




sebelum membuat persembahan di hadapan kelas dan teknik didik hibur yang diselitkan juga dengan nyanyian dan tarian dapat meningkatkan kemahiran bertutur murid.

Intervensi yang dilakukan oleh pengkaji amat perlu bagi meningkatkan kemahiran bertutur demi menambah idea dan kosa kata murid. Persediaan yang rapi dan proses yang bersistematik amat perlu agar murid dapat menggunakan bahasa Melayu dengan fasih dan yakin. Lihat Jadual 2.

**Jadual 2: Gred Pencapaian Murid**

Gred	Prakajian	Ujian 1	Ujian 2	Ujian 3	Pascakajian (CA2)
A*	0	7	13	20	2
A	0	4	7	0	13
B	1	0	0	0	4
C	5	5	0	0	1
D	9	0	0	0	0
E	5	3	0	0	0
U	0	0	0	0	0
Jumlah	20	20	20	20	0

**Rajah 1: Gred Pencapaian Murid**



Merujuk kepada data, terdapat perubahan dari segi pencapaian gred dalam kalangan murid. Terdapat peningkatan dari ujian prakajian yang dijalankan dengan gred-gred yang diperolehi murid bagi ujian-ujian yang dijalankan selepas ujian prakajian. Walau bagaimanapun, bagi gred prakajian yang merupakan gred bagi ujian CA2 masih lagi menunjukkan pencapaian yang baik kerana tidak terdapat kegagalan bagi murid-murid kumpulan ini. Ujian 3 menunjukkan pencapaian yang menggalakkan kerana 100% murid mendapat gred A\*.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan aktiviti didik hibur melalui pembacaan skrip yang sistematik dan persediaan pengajaran dan pembelajaran murid yang rapi telah dapat meningkatkan kosa kata murid dalam kemahiran lisan. Murid menghafal skrip sebelum membuat persembahan di dalam kelas supaya murid menguasai kosa kata untuk melakonan watak yang dipilih. Elemen nyanyian diselitkan untuk meningkatkan rasa seronok dan menghilangkan rasa malu serta memotivasikan murid ketika membaca skrip.. Pengkaji juga akur pelaksanaan dan peruntukan masa untuk aktiviti didik hibur ini memakan masa yang sesuai dengan keupayaan murid menghafal skrip dan memahami kosa kata. Hal ini selaras dengan kajian Roselan (2003), yang menyatakan pengajaran bukan sekadar melihat pelaksanaan yang sistematik dan berkesan namun aspek keselesaan dan keseronokan pelajar, soal psikologi dan emosi juga perlu diambil kira agar pengajaran menjadi lebih progresif, santai dan menyeronokkan serta relevan dengan dunia pendidikan semasa.

Jelasnya hasil kajian menunjukkan bahawa penyerapan didik hibur melalui elemen lakonan mampu meningkatkan penguasaan kosa kata murid bagi kemahiran bertutur murid dengan tidak secara langsung.

## RUJUKAN

Abdul Rashid Jamian & Hasmah Ismail (2012). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*.

Hj. Mohd Razak Mohd Nordin Ed.D & Masitah Ahmad (2015). Pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak, *Jurnal Pendidikan Dedikasi Jilid 9, 2015*.



- Mohd. Majid Konting, (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa &Pustaka, Malaysia.
- Mohd Zahar bin Hj Kusnun dan Afero bin Ismail, (2016). Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar di Kalangan Murid Sekolah Rendah Daerah Klang. <https://www.researchgate.net/publication/313565217>.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Roslan Baki, (2003). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Tay Meng Guat (2015). Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, [www.ipbl.edu.my/ portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2015/](http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2015/)

